

NASIONAL 041

BH 30/11/13 M/S 41

KERJA BAIK PULIH

JKR Hulu Langat akanbaiki cerun runtuh

Kami merujuk laporan *BH* bertarikh 25 November 2013 mengenai tebing jalan runtuh. Untuk makluman, kejadian tanah runtuh ini mula dikesan di Kilometer 7.20 dan 7.22 apabila berlaku kebocoran paip air SYABAS pada pertengahan Mac lalu.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Hulu Langat sudah mengambil tindakan segera dengan memasang papan tanda amaran di lokasi berkenaan dan meminta pihak SYABAS untuk segera menutup kawasan yang runtuh dengan kanvas dan membaiki cerun yang runtuh itu.

Bagaimanapun, pihak SYABAS hanya menutup permukaan runtuh dengan kanvas sahaja dan memaklumkan bahawa cerun sudah runtuh terlebih dahulu dan mengakibatkan paip asbestos simen pecah. Justeru, pihak SYABAS tidak bertanggungjawab untuk membaiki cerun yang runtuh itu.

Sehubungan itu, JKR Daerah Hulu Langat sudah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM500,000 kepada JKR Selangor untuk kerja pembaikan berkenaan.

Untuk menghadapi musim hujan ini, JKR Daerah Hulu Langat akan menambah baik kaedah penutupan cerun bagi mengelak keadaan cerun runtuh menjadi lebih kritikal.

Setakat ini tiada sebarang sebut harga yang dipanggil berhubung kerja pembaikan cerun itu.

Ir Mohamad Zulkefly Sulaiman,
Jurutera Daerah JKR Hulu Langat.